

U 8500 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN

BATU PAHAT, 10 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BARISAN NASIONAL (BN) MEMERLUKAN SEKURANG-KURANGNYA MAJORITI DUA PER TIGA DALAM PILIHAN RAYA UMUM KERANA TANPA MANDAT YANG KUAT, KERAJAAN AKAN LEMAH DAN TIDAK DIHORMATI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK BERNIAT UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN SEBESIA TAPI HAKIKATNYA IALAH RUSUHAN SELALUNYA BERLAKU DI NEGARA-NEGARA YANG KERAJAANNYA LEMAH.

SEBALIKNYA, SESEBUAH KERAJAAN YANG KUAT AKAN MENJAMIN KEADAAN YANG AMAN AGAR RAKYAT DAPAT HIDUP TANPA SEBARANG UGUTAN, KATANYA PADA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN DI RUMAH MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT, DATUK MUSTAFFA MOHAMMAD DI SERI GADING DI SINI.

SEMASA BERUCAP DI MAJLIS ITU, BELIAU BERKATA BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM KALI INI DENGAN KEDUDUKAN YANG AMAT KUAT DAN KUKUH.

+SEGALA TUDUHAN PEMBANGKANG YANG DILEMPARKAN KEPADA KERAJAAN TELAH KITA BUKTIKAN BAHAWA SEMUANYA TIDAK BENAR SEBALIKNYA BERUPA TUDUHAN-TUDUHAN YANG LIAR,+ KATANYA.-- LAGI
1514MST 10 10 90

D849

U 8514 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN 2 BATU PAHAT

OLEH ITU, BELIAU YAKIN BN AKAN MENANG DENGAN MUDAH PADA PILIHAN RAYA UMUM INI KERANA PARTI-PARTI LAWAN AGAK LEMAH.

BELIAU JUGA BERKATA PENAFIAN PEMIMPIN PAS KONONNYA PARTI ITU TIDAK MENGGUGURKAN ISTILAH +NEGARA ISLAM+ DALAM MANIFESTONYA MERUPAKAN +PENAFIAN POLITIK+ SEMATA-MATA.

LANGKAH MENGGUGURKAN ISTILAH TERSEBUT MENUNJUKKAN IA TELAH MEMBELAKANGKAN PRINSIP PERJUANGAN PAS SENDIRI, KATA PERDANA MENTERI.

DAP JUGA YANG PADA MASA LEPAS BEGITU LANTANG BERSUARA MEMPERJUANGKAN HAK BUKAN BUMIPUTERA KINI TELAH PUN SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN ORANG-ORANG YANG JELAS BERMUSUH DENGAN BUKAN BUMIPUTERA, KATANYA.

MENGENAI KEPUTUSAN DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD UNTUK TIDAK BERTANDING WALAUPUN DISENARAIKAN SEMULA BAGI MEMPERTAHANKAN KERUSI PARLIMEN JOHOR BAHARU, PERDANA MENTERI BERKATA DATUK SHAHRIR TELAH MEMBUAT KEPUTUSANNYA SENDIRI DAN IA PERLU DIHORMATI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK PERLU MENGISYTIHARKAN HARI PENGUNDIAN PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI SEBAGAI CUTI UMUM BELIAU YAKIN SEMUA PENGUNDI DAPAT KELUAR MENGUNDI.-- BERNAMA

1549MST 10 10 90